



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
MENTERI KERJA RAYA**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP 2 DALAM 1  
PEMBINAAN BANGUNAN GANTIAN 18 BILIK DARJAH  
SMK DALAT, DALAT, SARAWAK  
DAN  
PEMBINAAN BANGUNAN BAHARU 12 BILIK DARJAH  
DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN DI SMK SEMOP, DARO,  
SARAWAK**

**ISNIN|8 JUN 2026 | 10.00 PAGI  
SMK DALAT, DALAT  
SARAWAK**

<<< Salutasi akan diberikan oleh Urusetia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Sarawak Maju Makmur,  
Salam Segulai Sejalai.

## **PENDAHULUAN**

1. Pertama sekali, marilah kita melahirkan rasa syukur kepada Tuhan kerana dengan izin-NYA, kita dapat bersama-sama hadir dalam majlis yang amat bermakna ini iaitu sebuah inisiatif penting yang diyakini mampu membawa manfaat besar kepada rakyat, khususnya warga Bahagian Mukah yang mempunyai potensi strategik untuk berkembang sebagai hab ekonomi digital utama di zon tengah Sarawak.
2. Pada hari yang penuh bermakna ini, kita bakal menyaksikan Majlis Penyerahan Projek Siap 2 Dalam 1 yang melibatkan dua buah institusi pendidikan iaitu:
  - Projek Pembinaan Gantian 18 Bilik Darjah dan lain-lain kemudahan di SMK Dalat, Dalat serta
  - Projek Pembinaan Bangunan Baharu 12 Bilik Darjah dan lain-lain kemudahan di SMK Semop, Daro, Sarawak.

3. Kedua-dua projek ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkukuh akses kepada kemudahan pendidikan yang lebih kondusif, moden dan berkualiti untuk generasi masa hadapan.
4. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada majlis ini juga melambangkan iltizam serta dukungan bersama terhadap agenda nasional dalam memperkasa sektor pendidikan negara melalui penyediaan persekitaran pembelajaran yang lebih selamat, kondusif dan berdaya maju, sekali gus memastikan generasi pewaris negara dapat menikmati pengalaman pendidikan yang lebih berkualiti, holistik dan berkesan.

Hadirin yang saya hormati,

5. Kedua-dua projek ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Malaysia MADANI menerusi Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) dalam memperkukuh pembangunan infrastruktur pendidikan negara secara menyeluruh.
6. Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan menyediakan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang lebih moden, selamat dan kondusif, malah menjadi pemangkin kepada usaha melahirkan

generasi masa hadapan yang berilmu, berkemahiran dan mampu berdaya saing dalam mendepani tuntutan dunia yang semakin mencabar.

7. **Di bawah agenda pembangunan SMK Dalat**, projek ini merangkumi pembinaan sebuah blok akademik baharu yang menempatkan 18 bilik darjah berserta pelbagai kemudahan pendidikan dan sokongan lain termasuk bengkel, makmal, bilik pengurusan sukan dan pendidikan serta Bilik Operasi SPBT Sekolah (BOSS).
8. Bagi melengkapkan ekosistem pembelajaran yang lebih menyeluruh, projek ini turut menyediakan pelbagai kemudahan tambahan seperti kantin, surau, pondok pengawal, sistem utiliti dan kumbahan, tempat letak kenderaan serta laluan berbumbung demi memastikan keselesaan, keselamatan dan kesejahteraan warga sekolah sentiasa terpelihara.
9. **Bagi SMK Semop** pula, projek ini merangkumi pembinaan 12 bilik darjah baharu yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan moden termasuk kemudahan mesra Orang Kurang Upaya (OKU) seperti tandas khas, tempat letak kenderaan serta laluan ramp bagi

memastikan akses pendidikan yang lebih inklusif dan menyeluruh kepada seluruh warga sekolah.

10. Di samping itu, projek ini turut menyediakan pelbagai kemudahan sokongan seperti sistem bekalan air dan pembetulan yang sistematik, pemasangan elektrik dan mekanikal, rumah pam serta laluan berbumbung sebagai usaha mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih selesa, selamat dan kondusif untuk generasi masa hadapan.

## **MATLAMAT PELAKSANAAN PROJEK**

Hadirin sekalian,

11. Kedua-dua projek pembangunan pendidikan ini telah dilaksanakan oleh Pasukan Projek Khas 2 (PPK2), JKR Malaysia menerusi kaedah Reka dan Bina sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkukuh infrastruktur pendidikan negara.

12. Projek SMK Dalat telah dianugerahkan kepada Welfield Services Sdn. Bhd. pada 22 November 2022 dengan nilai kontrak sebanyak RM27.19 juta, manakala Projek SMK Semop pula telah

dianugerahkan kepada KSB Global Sdn. Bhd. pada 26 Disember 2023 dengan nilai kontrak berjumlah RM10.55 juta.

13. kejayaan menyiapkan kedua-dua projek ini bukan sekadar memperkukuh kemudahan fizikal sekolah, malah diharapkan menjadi pemangkin kepada semangat dan inspirasi baharu dalam kalangan guru serta pelajar untuk terus melakar kecemerlangan.

14. Dalam masa yang sama, usaha ini diyakini mampu memperkukuh budaya pendidikan yang progresif, berdaya saing dan berteraskan aspirasi melahirkan generasi masa hadapan yang cemerlang.

## **PENGHARGAAN**

Hadirin Sekalian,

15. Pada kesempatan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen serta kerjasama dalam menjayakan kedua-dua projek ini.

16. Penghargaan khusus juga ditujukan kepada Pasukan Projek Khas 2 (PPK2), Jabatan Kerja Raya Malaysia, Bahagian HOPT dan HODT JKR, pihak kontraktor utama iaitu Welfield Services Sdn. Bhd. dan

KSB Global Sdn. Bhd., pasukan perunding profesional serta seluruh warga kerja yang telah bertungkus-lumus memastikan projek ini dapat disiapkan dengan jayanya.

17. Hasil daripada komitmen yang tinggi, pengurusan projek yang sistematik serta kerjasama erat antara semua pihak yang terlibat, kedua-dua projek ini berjaya disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

18. Malah, saya ingin memberikan penghargaan dan pujian khusus kepada pasukan projek SMK Semop yang telah berjaya menyiapkan projek tersebut 164 hari lebih awal daripada tarikh asal tanpa sebarang keperluan untuk Extension of Time (EOT). Pencapaian ini bukan sahaja mencerminkan kecekapan pelaksanaan dan profesionalisme yang tinggi, malah wajar dijadikan penanda aras dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan pada masa hadapan.

19. Kepada pihak kontraktor, saya ingin mengingatkan agar amanah yang diberikan harus dilaksanakan dengan penuh integriti dan tanggungjawab, khususnya dalam memastikan setiap aduan

kecacatan sepanjang Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) ditangani dengan segera, cekap dan menyeluruh.

20. Dalam masa yang sama, saya turut meminta pihak JKR supaya memperkukuh pemantauan pasca penyerahan secara konsisten bagi memastikan semua kemudahan yang disediakan sentiasa berada dalam keadaan baik, selamat digunakan serta mematuhi piawaian dan spesifikasi yang telah ditetapkan.

## **PENUTUP**

Hadirin yang saya hormati,

21. Saya mendoakan agar segala kemudahan yang disediakan di kedua-dua sekolah ini terus dipelihara dengan baik dan dimanfaatkan sepenuhnya demi melahirkan generasi muda Sarawak yang berilmu, berakhlak, berdaya saing dan mampu menyumbang kepada kemajuan Malaysia pada masa hadapan.

22. Semoga institusi pendidikan ini terus menjadi medan pembentukan modal insan yang unggul, seimbang dari segi intelektual, sahsiah dan nilai kemanusiaan demi kesejahteraan agama, bangsa dan negara.

23. Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya mengakhiri ucapan ini dengan serangkap pantun:

*“ Pohon rumbia subur menghijau,*

*Pasak budaya di bumi Mukah;*

*Malaysia MADANI menyala suar,*

*Pendidikan dipadu melangkah gagah.”*

24. Dengan penuh sukacita, saya dengan ini merasmikan Majlis Penyerahan Projek Siap 2 DALAM 1 Pembinaan Bangun Gantian 18 Bilik Darjah SMK Dalat, Dalat, Sarawak Dan Pembinaan Bangunan Baharu 12 Bilik Darjah Dan Lain-Lain Kemudahan Di SMK Semop, Daro, Sarawak

Sekian, terima kasih.

Sarawak Maju Makmur!